

Laksana kajian sensitiviti, nilai impak henti eksport sawit ke EU

• Perlu ada analisis 'what if' dapatkan gambaran jelas sejauh mana kebergantungan Malaysia kepada pasaran EU bagi bantu negara buat keputusan tepat sebelum tindakan drastik dilaksanakan

• Malaysia perlu teroka pasaran eksport baharu seperti Afrika Selatan, Asia Tengah dan ambil peluang gangguan rantaian bekalan minyak bunga matahari, biji sesawi akibat perang Russia-Ukraine



Pensyarah Jabatan Ekonomi & Perniagaan Tani, Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan, Universiti Utara Malaysia (UUM)

Oleh Prof Madya Dr Shri Dewi Apriansari
bhrencana@bh.com.my

Langkah terbaru Kesatuan Eropah (EU) memperkenalkan Peraturan Produk Bebas Penebangan Hutan EU (EUDR) mengenai import komoditi terpilih, termasuk sawit dikaitkan penebangan hutan dan degradasi hutan menyebabkan Malaysia menghentikan eksport itu seperti kenyataan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof yang juga Menteri Perlindungan dan Komoditi.

Sudah tentu kenyataan itu menimbulkan persoalan sejauh mana kewajaran Malaysia bersikap ke arah pemberhentian eksport sawit ke EU ketika negara berusaha memulihkan ekonomi dengan pelbagai strategi,

termasuk menangani isu kekurangan pekerja asing?

Secara statistik, sektor perladangan sawit menyumbang hampir 35 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pertanian hingga menjadikan industri itu penyumbang terbesar kepada sektor pertanian negara.

Malaysia yang menjadi pengeluar dan pengeksport kedua terbesar sawit dunia selepas Indonesia, mempunyai tujuh destinasi eksport utama, iaitu India, China, EU, Turkiye, Kenya, Pakistan dan Filipina merangkumi hampir 62.2 peratus (9.68 juta ton) daripada jumlah keseluruhan eksport sawit.

India masih mendahului sebagai destinasi utama eksport minyak sawit negara untuk tahun ke-9 sejak 2014 hingga tahun lalu, begitu juga China sebagai pasaran kedua terbesar sejak 2019, walaupun eksport sedikit merosot pada 2022.

Pada masa sama, EU sebagai destinasi eksport sawit ketiga terbesar, menyumbang 9.4 peratus daripada eksport minyak sawit dari Malaysia, iaitu 1.47 juta tan pada tahun lalu yang sebenarnya menunjukkan sedikit penurunan berbanding peratusan pada tahun sebelumnya (10.5 peratus).

Rangka strategi lebih berasaskan

Justeru, sebelum mengambil sebarang keputusan tegas sebegini, Malaysia perlu merangka strategi lebih berkesan dan mencari jalan meyakinkan EU bahawa negara mengamalkan dasar dan amalan pertanian, terutama sawit yang tidak bertentangan EUDR.

Pertama, Malaysia perlu menangani segala sekatan dan kempen negatif segelintir pihak tidak bertanggungjawab serta mempunyai kepentingan tertentu, terutama Amerika Syarikat (AS) dan EU.

Kita perlu proaktif dan melancarkan kempen sendiri untuk meyakinkan persepsi salah dalam kalangan negara EU, sekiranya tidak membiarkan industri sawit terus diserang dengan dakwaan tidak berasas. Rundingan dan libat urus perlu diteruskan dengan EU serta AS untuk menyampaikan mesej supaya menghentikan dakwaan sebegini terhadap produk industri sawit Malaysia.

Kedua, Malaysia perlu memperkukuhkan kerjasama dengan Indonesia untuk bersama menangani kempen negatif dibawa EU. Lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ke Indonesia baru-baru ini menjadi inisiatif baik dengan Malaysia dan Indonesia bersetuju mengukuhkan kerjasama

dalam industri sawit dalam menangani serangan dan sekatan terhadap produk berasaskan sawit dari rantau ini.

Ketiga, Malaysia boleh memohon kerjasama Pertubuhan Perdagangan Antarabangsa (WTO) untuk membantu menjelaskan keadaan sebenar kepada EU supaya sekatan ke atas produk sawit dapat ditarik balik. Pembabitin aktif dalam persidangan dan forum anjuran WTO juga perlu dibuat kerana platform itu bersesuaian untuk memberikan kesedaran kepada negara peserta.

Keempat, Malaysia perlu bekerjasama dengan Majlis Negara-Negara Pengeluar Minyak Sawit (CPOPC) untuk mengetengahkan hasil kajian, penerbitan dan perundingan dijalankan, terutama berkaitan kelestarian sawit Malaysia. Perkongsian maklumat dan hasil dapatan penyelidikan ini di peringkat global amat penting untuk menangkis persepsi negatif berkaitan penebangan hutan.

Selain itu, kajian sensitiviti atau dikenali sebagai analisis *what if* perlu dibuat untuk menilai impak daripada sawit menghentikan eksport minyak sawit ke EU dan kesannya ke atas jumlah dan nilai eksport sawit Malaysia. Ia mampu memberi gambaran empirikal jelas kesan melaksanakan sekatan itu.

Akhirnya, satu kajian holistik berkenaan dagangan Malaysia dengan EU perlu juga dilaksanakan. Kajian ini bukan sahaja bagi minyak dan produk berasaskan sawit, bahkan barangan serta perkhidmatan lain membabitkan dagangan dengan EU.

Kajian ini mampu memberi gambaran jelas sejauh manakah kebergantungan Malaysia kepada pasaran EU. Ia akan membantu Malaysia untuk membuat keputusan tepat dan rasional sebelum sebarang tindakan drastik diambil dalam perkara ini.

Kita tidak mahu tindakan tegas diambil ini memberi kesan negatif besar kepada ekonomi Malaysia yang baru sahaja dalam proses pemulihan selepas pandemik COVID-19.

Pertingkat eksport ke pasaran baharu

Soalnya, ke manakah hala tuju pasaran baharu sawit Malaysia? Selain kebergantungan kepada pasaran sedia ada, Malaysia perlu mempertingkatkan lagi eksport ke pasaran baharu kita teroka melalui kerjasama strategik dengan negara terbabit.

Di samping itu, kita perlu terus meneroka pasaran eksport baharu atau *untapped potential countries*. Langkah ini mampu memperluaskan lagi pasaran eksport sawit ke negara kita belum pernah eksport sebelum ini seperti Afrika Selatan dan Asia Tengah.

Perang antara Russia dan Ukraine mengakibatkan gangguan kepada rantaian bekalan minyak bunga matahari dan biji sesawi global boleh membuka peluang untuk pasaran baharu, sekali gus meningkatkan permintaan minyak sawit.

Namun, Malaysia perlu membawakan negara dalam pasaran baharu ini bahawa sawit kita berkuatiti tinggi dan murah, sesuai dijadikan pengganti alternatif untuk minyak bunga matahari dan biji sesawi pada masa hadapan walaupun selepas perang berakhir.

Apapun, usaha berterusan masih perlu dilaksanakan untuk meyakinkan pasaran EU bahawa kita sudah memenuhi kehendak dan standard antarabangsa menerusi Skim Pensijilan Minyak Sawit Mampai Malaysia (MSPO) yang menitikberatkan pematuhan kepada aspek alam sekitar serta kelestarian.

Justeru, negara EU tidak seharusnya menjadikan EUDR sebagai satu-satunya kayu pengukur untuk menilai pematuhan negara pengeksport kepada peraturan produk bebas penebangan hutan. Namun, di sebalik segala usaha ini, sekiranya sekatan masih diteruskan besar kemungkinan EU mahu melindungi produk mereka sendiri kerana sawit sangat kompetitif, murah dan berkualiti.

